

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober 1994

PDP 417 - Kaedah Mengajar Sejarah I

Masa: [3 jam]

---

Jawab EMPAT (4) soalan. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Apakah nilai-nilai yang boleh diperkembangkan melalui pengajaran sejarah? Bincangkan nilai-nilai ini berhubung dengan sukanan pelajaran yang sedang digunakan di sekolah-sekolah menengah rendah.
2. Pengajaran-pemelajaran sejarah di sekolah hendaklah dapat melahirkan "pemikiran sejarah dan pendekatan sejarah". Bincangkan bagaimana hal-hal tersebut dapat diserap di dalam kurikulum sejarah di sekolah menengah.
3. Kaedah-kaedah mengajar sejarah boleh digabunggalinkan dan dilaksanakan bersama-sama. Bincangkan satu rancangan pengajaran yang menggunakan sekurang-kurangnya tiga kaedah. Topik yang dipilih mestilah dari Sukatan Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah Rendah.
4. Nyatakan dua kelemahan yang anda rasakan paling ketara dalam pengajaran sejarah di sekolah-sekolah. Bagaimanakah kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi?
5. Dengan contoh-contoh yang jelas, bincangkan kepentingan aspek-aspek yang berikut semasa persediaan satu rancangan pengajaran sejarah:
  - i) Objektif Am
  - ii) Objektif Khas
  - iii) Induksi Set
  - iv) Pengetahuan yang sedia ada.

...2/-

- 2 -

6. Kaedah Tinjau Siasat dapat dirumuskan sebagai cara mengajar murid-murid bagaimana hendak belajar dengan menggunakan kemahiran, proses, sikap, pengetahuan dan pemikiran rasional. Bincangkan pendapat ini dengan merujukkan kepada pengajaran-pemelajaran sejarah di sekolah.
7. Pilih dua daripada alat-alat bantu berikut dan terangkan bagaimana ia dapat digunakan dengan berkesan dalam pengajaran sejarah
  - a) Sumber-sumber asli
  - b) Buku-buku teks sejarah
  - c) Carta-carta masa.
8. Bincangkan perubahan-perubahan yang telah dilaksanakan ke atas Sukatan Pelajaran Sejarah (Tingkatan 1 - 3) di antara tahun 1978 hingga 1990.

- 0000000 -